

Nama:

Kelas :

Tarikh :

Susun atur pernyataan berikut dalam bentuk peta i-Think untuk menerangkan usaha rundingan kemerdekaan Tanah Melayu.

Jawapan pilihan :

A) Rundingan kemerdekaan berlangsung dari 18 Januari hingga 6 Februari 1956 di Lancaster House, London.

B) Rombongan kemerdekaan Tanah Melayu diketuai oleh Tunku Abdul Rahman berangkat dari Kuala Lumpur ke Singapura dengan menaiki kapal terbang.

Rombongan kemerdekaan tiba di London pada 14 Januari 1956.

C) Selepas Pilihan Raya Umum 1957 dan terbentuknya Kerajaan Persekutuan, rundingan kemerdekaan diadakan antara wakil Raja-raja Melayu dengan wakil Parti Perikatan.

D) Tunku Abdul Rahman dan wakil Raja-raja Melayu menjelaskan perlunya misi rundingan di London bagi membincangkan hal keselamatan, hubungan British – Tanah Melayu dan soal berkaitan dengan perlembagaan negara yang akan merdeka.

E) Sambutan bersejarah di Melaka

Tunku Abdul Rahman dan rombongan merdeka selamat tiba di Lapangan Terbang Batu-Berendam, Melaka pada 20 Februari 1956.

Rombongan diarak ke Padang Banda Hilir, Melaka. Lebih kurang 100 ribu orang datang untuk mendengar ucapan pengumuman tarikh kemerdekaan, iaitu 31 Ogos 1957.

F) Perkara yang dirundingkan dan disepakati di London

1) British

Ahli Majlis Eksekutif, selain Ketua Setiausaha dan Peguam Negeri dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi dengan nasihat Ketua Menteri.

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu harus bayar ganti rugi kepada pegawai British yang diberhentikan.

Mengadakan Perjanjian Pertahanan dan Bantuan Bersama antara Persekutuan Tanah Melayu dengan British.

Pihak British dan Komanwel akan memberikan bantuan pertahanan kepada Persekutuan Tanah Melayu.

2) Perwakilan Tanah Melayu

Menghapuskan jawatan Setiausaha kewangan dan digantikan dengan Menteri Kewangan

Menuntut agar Menteri Hal Ehwal Ekonomi hendaklah dalam kalangan rakyat Persekutuan Tanah Melayu.

Menginginkan Menteri Pertahanan daripada rakyat Persekutuan Tanah Melayu menggantikan Pengarah Gerakan yang disandang oleh pegawai British.

Menuntut tarikh kemerdekaan tidak lewat dari 31 Ogos 1957. Berunding tentang isu Suruhanjaya Perlembagaan, kewangan, keselamatan dalam negeri dan perkhidmatan awam.

G) Dalam rundingan merdeka ini, misi rombongan dari Persekutuan Tanah Melayu berjaya mendapat persetujuan kerajaan British untuk memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu melalui satu perjanjian yang dikenali sebagai Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu pada 8 Februari 1956.

Kedua-dua pihak bersetuju untuk membentuk Suruhanjaya Perlembagaan yang berperanan merangka perlembagaan bagi negara kita.

H) Ketika ini, wakil Raja-raja Melayu dan wakil Parti Perikatan mendapat sokongan segenap kaum tanpa mengira ideologi parti politik untuk perundingan berkenaan

Jawapan :

